

PERANAN ALIM ULAMA

SEBAGAI PEMBIMBING

"Alim ulama patut menyedari usaha-usaha halus musuh Islam termasuk para orientalis Barat dan ejen-ejenya yang

sedar ataupun yang tidak sedar yang tidak pernah berputus asa untuk melemahkan kita serta menyemai bibit-bibit perpecahan".



● DATUK MUSA HITAM

UCAPAN PENUH YAB TIMBALAN
PERDANA MENTERI DATUK MUSA
HITAM DI PERASMIAN IJTIKAM
ULAMA SEMALAYSIA, DI HOTEL
PERDANA, KOTA BAHARU, KELANTAN,
PADA 29 OKTOBER 1982

DARI segi sejarahnya, alim ulama negara ini telah banyak menyumbang baki klanusnya di bidang pendidikan. Sejak bermulanya sistem pengajaran pondok, alim ulama telah bertindak sebagai satu pasukan menghapuskan kejahilan dan buta agama di kalangan masyarakat di samping membantu menghapuskan buta huruf. Mereka memainkan peranan menghidupkan nilai-nilai rohani yang kukuh di kalangan masyarakat Islam.

Udang tugas ulama dalam perkembangan sistem pengajaran pondok pula tidak terbatas di kawasan atau kampung di mana pondok-pondok itu didirikan. Pelajar lulusan pondok ini bertiaran di serata negeri menandakan tugas mengembeng Islam, iaitu usaha-usaha berdakwah. Sebilangan dari mereka, atas dasar tanggungjawab dan galakan dari guru-guru, mendirikan pada pondok-pondok atau institusi baru bagi melanjutkan lagi risalah yang dipikul ke babu mereka. Di samping itu, terdapat kalangan alim ulama yang menjadi golongan penerdaya masyarakat terhadap semangat kemerdekaan, semangat supaya setiap rakyat bangun berusaha membebaskan diri dan negara dari kongkongan penjajah.

Tokoh-tokoh pondok yang tidak asing dalam sejarah kebangkitan bangsa Melayu bukan sahaja di Tanah Melayu bahkan juga terkenal di

Nusantara adalah seperti i. Shehik Daud Patani, Sheikh Kenali, Sheikh Osman Selehor, Haji Ahmad Fahim Seberang Perai dan beberapa orang lagi alim ulama yang terkemuka. Sumbangan, peranan serta tanggungjawab ulama Malaysia seperti yang saya huraikan sebentar tadi, adalah selaras dengan sumbangan, peranan serta tanggungjawab para alim ulama di zaman Islam, di mana kalangan ulama dan umarak (pendatibran) mempunyai perubahan rapat antara satu dengan lain.

Kalangan ulama sentiasa menyumbangkan buah fikiran dan nasihat kepada pemerintah terutama mengonil sesuatu yang mendaratkan manfaat kepada rakyat. Kalangan umarak pula kerap berunding dan berpakat dengan ulama sebelum melaksanakan sesuatu rancangan bagi kebajikan umat.

Maka terbuktih bahawa peranan penting di dalam Islam meliputi di dalam memupuk dan mengawal kestabilan negara. Mereka berperanan mengimbangkan aktiviti golongan rakyat yang radikal dan rakyat yang sederhana. Nasihat para ulama dalam hal ini sangat berkesan dan telah memberi buah dan hasil yang

sangat berharga. Negara kita terdedah kepada ancaman komunis sejak beberapa lama, baik di dalam bentuk pengananan bersejaja atau menerusi berbagai pakatan sulit dan subversif. Oleh kerana dasar komunis bercanggah dengan Islam maka Islamiah yang menjadi benteng kepada penerangan pengaruh komunis itu.

Di sinilah peranan yang dimainkan dengan bawar dan jayanya oleh para ulama sejak pengaruh komunis bermula. Mereka sama-sama menerangkan dan menegakkan masyarakat kita bahawa fahaman komunis bercanggah dengan akidah Islam. Kita tidak pernah bertindak seperti beberapa negara lain di mana para alim ulama diperkecil-kecilkan, dan di mana terdapat juga alim ulama yang ditindas dan diusir keluar dari negara tumpah darahnya. Kita sedar dan insaf bahawa permusuhan antara ulama dan umarak akan hanya menimbulkan kesan buruk terhadap kebajikan serta kesejahteraan umum.

Para alim ulama di Malaysia telah memainkan peranan besar di dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang keturunan.

Mereka turut menyemai bibit toleransi di kalangan masyarakat kita dan hasil daripada toleransi itu negara kita menepati banyak kemajuan yang bermula dari pada tercapainya kemerdekaan hingga kepada pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan, perdagangan dan perindustrian. Pada hari ini ancaman-ancaman buruk kepada negara kita tetap wujud dan usaha-usaha ke arah pembangunan rakyat dari bidang ekonomi dan pemikiran serta pembentukan peribadi Islam tetap dijalankan dengan penuh minat dan sepuh tenaga. Oleh yang demikian saya menaruh setinggi-tinggi kepercayaan bahawa alim ulama di negara ini akan terus memberi sumbangan penting supaya pembangunan yang teresbut di atas tadi dapat berjalan dengan baik. Kerjakan kita sentiasa bersedia, mendengar nasihat-nasihat daripada alim ulama di dalam semua bidang aktiviti yang dijalankan agar segala rancangan itu berkesuksesan dengan kebendahan dan mendapat keizinan Allah S.W.T. Fikiran-fikiran daripada para alim ulama sekalian bolehlah disampaikan kepada Kerajaan terus atau dengan saluran-saluran yang terentus. Sumbangan, peranan serta tanggungjawab yang diharapkan dari para ulama Malay-

sia, mungkin dapat ditiroks, diperincikan dan dihalusi dalam Ijtkam ini supaya golongan alim ulama, benua-benua merajadi "pembimbing dan pendidik yang unggul dalam pembentukan masyarakat Islam di Malaysia".

Bersempena dengan Ijtkam ini, saya harap para alim ulama Malaysia akan menyedari usaha-usaha halus musuh Islam termasuk para orientalis Barat dan ejen-ejen yang sedar ataupun yang tidak sedar yang tidak pernah berputus asa untuk melemahkan kita serta menyemai bibit-bibit perpecahan di kalangan ummah. Di negara kita sendiri, pihak orientalis yang aktif di zaman penjajahan dahulu berupaya menyempitkan pandangan kita terhadap Islam.

Pesong
Menerusi segala taktik dan dakwahnya, golongan ini berjaya menawan ke jiwa kita bahawa Islam hanyalah bererti sembahyang lima waktu, berpuasa, menaikan fardu haji dan memaukan zakat fitrah. Para orientalis ini berjaya memuncuni beberapa Islam hanya merupakan amalan beberapa "ritual" sedak tanda ibadat kepada Allah, sedangkan Islam pada hakikat sebenarnya adalah satu cara hidup yang

menyeluruh dan merangkumi aspek-aspek ibadat, politik, kenegaraan, ekonomi, pembangunan, kemasyarakatan, keadilan dan lain-lainnya. Sesungguhnya Allah berfirman dalam Surah Al-Imran Ayat 19: "Innada-Dinna Indallah-Hil-Jalan." Sesungguhnya agama yang diredai di sisi Allah hanyalah Islam.

Berdasarkan kesedaran tersebut, Ijtkam hari ini seharusnya mengajki kembali apakah peranan ulama yang sewajarnya dalam zaman kita mengisi kemerdekaan negara; dalam usaha kita meningkatkan syiar Islam; dalam usaha mewujudkan rakyat yang lebih berdisiplin dan lebih bermaruah; dan dalam usaha kita menin g k a t k a n pengantaraan demi kebajikan serta kesejahteraan umum. Adalah juga penting untuk kita menarji jalan yang sebaik-baiknya bagi mengatasi perpecahan umat Islam di negara ini. Dengan lalin-lain perkataan, kita seharusnya berusaha memulihkan perpaduan Islam se-Malaysia, kerana alim ulama juga mempunyai tanggungjawab memastikan perpaduan Islam tidak digugat oleh sebarang anasir yang mungkar. Perkara ini penting kerana sekarang terdapat beberapa golongan yang

menyeluruh dan merangkumi aspek-aspek ibadat, politik, kenegaraan, ekonomi, pembangunan, kemasyarakatan, keadilan dan lain-lainnya. Sesungguhnya Allah berfirman dalam Surah Al-Imran Ayat 19: "Innada-Dinna Indallah-Hil-Jalan." Sesungguhnya agama yang diredai di sisi Allah hanyalah Islam.

Berdasarkan kesedaran tersebut, Ijtkam hari ini seharusnya mengajki kembali apakah peranan ulama yang sewajarnya dalam zaman kita mengisi kemerdekaan negara; dalam usaha kita meningkatkan syiar Islam; dalam usaha mewujudkan rakyat yang lebih berdisiplin dan lebih bermaruah; dan dalam usaha kita menin g k a t k a n pengantaraan demi kebajikan serta kesejahteraan umum. Adalah juga penting untuk kita menarji jalan yang sebaik-baiknya bagi mengatasi perpecahan umat Islam di negara ini. Dengan lalin-lain perkataan, kita seharusnya berusaha memulihkan perpaduan Islam se-Malaysia, kerana alim ulama juga mempunyai tanggungjawab memastikan perpaduan Islam tidak digugat oleh sebarang anasir yang mungkar. Perkara ini penting kerana sekarang terdapat beberapa golongan yang

menakwanya dirinya sebagai ulama, telah mengemukakan apa yang mereka anggap sebagai fatwa-fatwa yang sebenarnya bercanggah dengan Islam.

Apa yang dikatakan fatwa-fatwa itu pula diterima dan diamalkan oleh sebahagian dari umat Islam di negara ini, di mana akibatnya ialah perpecahan dan pertelingkahan sesama masyarakat Islam. Para ulama Malaysia juga perlu membuat "post-mortem" terhadap peranan mereka dalam menyemai semangat berpecahan dan rajin bekerja di kalangan masyarakat Islam di negara ini, dan menuliskan kecahdaran di kalangan umat Islam di Malaysia, bahawa masa itu emas dan semua manusia akan berada dalam keadaan murkian sekiranya tidak mengali waktunya dengan perbuatan-perbuatan bermamfaat mengikut ajaran Islam sebenarnya.

Di sini saya suka mengamali kesempatan mengemukakan dengan rasi mi keputusan Menyuarai Majlis Raja-Raja yang ke-125 pada 13 dan 14 Oktober lalu, mengenai cara memelopkan awal Ramadan dan awal Syawal, iaitu:

Falak

"Anak bulan Ramadan dan Syawal, kiranya tidak kelihatan kerana terindung oleh keadaan cuaca, pada halnya mengikut kiran ahli-falak, anak bulan itu tetap ada dan boleh nampak, maka kiran ahli-falak boleh diabaikan."

Saya pasti keputusannya dibuat setelah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja mendapat khidmat nasihat daripada para alim ulama.

Keputusan ini telah dibuat dengan tujuan menghidupkan semangat berbilang kaum dan rasakan dengan rasa kurang puas hati di kalangan rakyat memelihara syiar Islam dan menguatkan perpaduan di antara umat Islam di seluruh negara.

Bagitulah bentuk keputusan masyarakat Islam di negara ini, iaitu keperluan memupuk perpaduan dan ketahanan serta kebanggaan terhadap agama yang suci.

Bagitulah juga nasihat yang dicita-citakan oleh Kerajaan. Maka adalah menduli tanggungjawab setiap ummah untuk sama-sama berganding bahu dengan Kerajaan untuk mencaip perpaduan, perselahaman serta kebanggaan terhadap Islam.

Denngan kata-kata tersebut, saya mengucapkan Selamat Berasidag supaya hasilnya dapat disumbangkan kepada masyarakat demi memantapkan lagi kesejahteraan dan bermakmur negara ini.

Denngan nama Allah saya rasmiakan Ijtkam Ulama Se-Malaysia 1403

Bahan asal dari Akrib
Negara Malaysia